



WARTA KERAJAAN NEGERI JOHOR  
GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE



**Undang-Undang Kecil  
Kedai Gunting Rambut, Pendandan  
Rambut dan Salun Kecantikan  
(Majis Perbandaran Pengerang)  
2021**

***Barber Shops, Hairdressers and  
Beauty Saloons  
(Pengerang Municipal Council)  
By-Laws  
2021***


Jenis Sumber Kuasa	Perundangan Subsidiari – Undang-Undang Kecil / By-Laws
Nombor Sumber Kuasa	UUK 6
Versi	Bahasa Melayu
Nombor Warta	J. P.U. 18 / 2021
Tarikh Warta	29 April 2021
Tarikh Berkuat Kuasa	29 April 2021



**UNIT UNDANG-UNDANG  
MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG**

Majlis Perbandaran Pengerang, No. 7, Jalan Kempas 1  
Taman Dijau Utama, 81030 Bandar Penawar, JOHOR

07-886 2892 | 07-886 2896 | [legalunit@mppengerang.gov.my](mailto:legalunit@mppengerang.gov.my)



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 65  
No. 9

29hb April 2021

*TAMBAHAN No. 9  
PERUNDANGAN*

---

**J. P.U. 18.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL KEDAI GUNTING RAMBUT,  
PENDANDAN RAMBUT DAN SALUN KECANTIKAN  
(MAJLIS PERBANDARAN PENGERANG) 2021**

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

**Undang-Undang Kecil**

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II  
PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN**

3. Lesen dan bayaran
4. Permohonan lesen
5. Jaminan
6. Kuasa enggan membaharui dan membatalkan lesen
7. Mempamerkan lesen
8. Bentuk lesen
9. Tempoh sah lesen
10. Pindahmilik lesen
11. Kehadiran pemohon
12. Kuasa untuk memasuki dan pemeriksaan premis
13. Kuasa menyita


**BAHAGIAN III  
KEBERSIHAN PREMIS DAN KELENGKAPAN**

14. Kebersihan premis dan kelengkapan
15. Bekalan air panas dan sejuk
16. Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred

17. Kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi oleh pendandan rambut
18. Pemeriksaan perubatan
19. Tuala muka dan fabrik lain yang bersih
20. Sabun untuk cukuran
21. Cawan cukuran
22. Pisau cukur
23. Span tidak boleh digunakan
24. Memberhentikan pendarahan
25. Penyakit berjangkit atau menular
26. Pensterilan peralatan
27. Pakaian seragam
28. Pendaftaran

  
**BAHAGIAN IV  
LARANGAN**

29. Meludah dilarang
30. Lampu
31. Larangan merokok
32. Haiwan dilarang masuk
33. Sekatan dilarang
34. Aktiviti dandan rambut dan/atau salun hendaklah di tempat terbuka
35. Kacau ganggu
36. Pelacuran dan lain-lain tidak dibenarkan
37. Kotak pertolongan cemas
38. Makanan tidak boleh dijual

  
**BAHAGIAN V  
PELBAGAI**

39. Penalti
40. Pengkompaun kesalahan
41. Pemansuhan

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Pengerang membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil yang berikut:

**BAHAGIAN I**  
**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan berkuat kuasa**

1. (1) Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut, Pendandan Rambut dan Salun Kecantikan (Majlis Perbandaran Pengerang) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-Undang Kecil ini terpakai dalam kawasan Majlis Perbandaran Pengerang.

**Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“dandan rambut” termasuk potong rambut, kerinting rambut, potong kemas, mencelup, mencukur, mensyampu, rawatan kuku, cuci telinga, meluruskan rambut, cukur misai, rawatan muka, rawatan kaki dan tangan, rawatan elektrik dan apa-apa kerja seumpama itu yang biasanya dilakukan oleh seseorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, dengan alat, dengan elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

“gunting rambut tradisional” ertinya menjalankan aktiviti dandan rambut di mana aktiviti itu dihadkan bagi lelaki untuk lelaki dan wanita untuk wanita;

“gunting rambut unisex” ertinya menjalankan aktiviti dandan rambut untuk lelaki dan wanita atau apa-apa aktiviti yang diluluskan oleh Majlis;

“kedai gunting rambut” termasuklah sesuatu kedai pendandan rambut dan tiap-tiap salun dan semua premis yang di dalam atau di atasnya urusan dandan rambut dijalankan;

“larutan disinfektan” ertinya larutan apa-apa disinfektan yang sama kekuatan racun kumannya dengan lima peratus larutan asid karbolik;

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pengerang;

“pendandan rambut” termasuklah seorang penggunting rambut dan mereka yang menjalankan apa-apa kerja yang termasuk dalam takrif dandan rambut;

“salun kecantikan” ertinya apa-apa aktiviti termasuk rawatan muka, rawatan kebersihan tangan, mandi wap dan lulur, andaman, rawatan badan termasuk urutan, aktiviti perlengsungan badan, aktiviti senaman yang dilakukan oleh seseorang jurusolek sama ada menggunakan tangan, alat elektrik atau menggunakan apa-apa kombinasi cara-cara itu untuk tujuan kecantikan muka dan badan; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pengerang.

## BAHAGIAN II PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN

### **Lesen dan bayaran**

3. (1) Tiada suatu pun premis boleh digunakan sebagai kedai gunting rambut atau salun kecantikan melainkan jika premis itu dilesen oleh Majlis.

(2) Fi yang dikenakan bagi sesuatu lesen adalah seperti ditetapkan dalam Jadual dan fi yang telah dibayar tidak boleh dikembalikan.

(3) Apabila sesuatu lesen dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil ini, tiada apa-apa pampasan perlu dibayar.

### **Permohonan lesen**

4. (1) Permohonan lesen atau pembaharuan lesen hendaklah dibuat secara bertulis kepada Yang Dipertua mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Setelah permohonan diluluskan, Majlis akan mengeluarkan lesen tertakluk kepada—

- (a) pembayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual;
- (b) syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang dinyatakan; dan
- (c) membayar deposit yang ditentukan jumlahnya oleh Majlis.

(3) Majlis hendaklah menyimpan suatu daftar semua permohonan untuk mendapat lesen atau membaharui lesen.

(4) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mematuhi apa-apa arahan bertulis yang diberi oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa berkaitan dengan premis yang dilesenkan. Kegagalan mematuhi arahan ini adalah satu kesalahan.

**Jaminan**

5. (1) Majlis boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen, menghendaki pemohon memberi jaminan dengan membayar deposit tunai untuk memastikan bahawa syarat-syarat Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Apa-apa wang yang didepositkan boleh dirampas keseluruhannya atau sebahagiannya oleh Majlis kerana melanggar Undang-Undang Kecil ini atau syarat lesen.

**Kuasa enggan membaharui dan membatalkan lesen**

6. Majlis boleh enggan mengeluarkan sesuatu lesen atau enggan membenarkan sesuatu lesen diperbaharui atau membatalkan lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

**Mempamerkan lesen**

7. Tiap-tiap orang yang telah diberi lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat dan hendaklah menunjukkan lesen itu bila dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa.

**Bentuk lesen**

8. (1) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh mengenakan apa-apa terma, syarat atau sekatan ke atas mana-mana lesen sebagaimana yang difikirkannya patut dan ia boleh menambah, mengubah, memotong, atau meminda mana-mana terma, syarat atau sekatan tersebut tanpa memberi apa-apa sebab.

**Tempoh sah lesen**

9. Sesuatu lesen, melainkan jika digantung atau dibatalkan oleh Majlis, hendaklah terus berkuat kuasa sehingga 31 Disember setiap tahun.

**Pindahmilik lesen**

10. Dalam masa sesuatu lesen itu masih berkuat kuasa, Majlis boleh atas permohonan pemegang lesen itu, membenarkan supaya lesen itu dipindahmilik kepada seorang lain dengan mengenakan kadar dua puluh peratus daripada fi lesen itu kepada pemegang lesen yang baru.

**Kehadiran pemohon**

11. Majlis boleh menghendaki mana-mana pemohon bagi pengeluaran, pembaharuan atau pindahmilik sesuatu lesen supaya hadir sendiri atau dalam hal sesuatu perbadanan atau firma, seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut supaya hadir semasa lesen tersebut dikeluarkan, dibaharui atau dipindahmilik.

### **Kuasa untuk memasuki dan pemeriksaan premis**

12. (1) Tiap-tiap pendandan rambut yang menjalankan perniagaan atau urusan pendandan rambut atau salun kecantikan atau menjaga atau diambil bekerja di premis di mana urusan itu dijalankan hendaklah membenarkan Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk memasuki premis itu pada bila-bila masa yang munasabah tanpa notis dan memeriksa premis itu dan tiap-tiap bahagiannya dan hendaklah tidak boleh menghalang atau membenarkan pegawai itu dihalang daripada membuat pemeriksaan itu.
- (2) Tiap-tiap orang pemegang lesen atau pekerja hendaklah memberi apa-apa maklumat yang diminta daripadanya.
- (3) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah menghalang, menahan atau membantu mana-mana pegawai Majlis atau mana-mana orang yang membantu pegawai itu dalam menjalankan tugasnya di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Kuasa menyita**

13. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya boleh menyita mana-mana artikel atau barang yang baginya dipercayai secara munasabah kesalahan telah dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini atau dipercayai secara munasabah menjadi atau mengandungi bukti kesalahan itu.

## **BAHAGIAN III**

### **KEBERSIHAN PREMIS DAN KELENGKAPAN**

#### **Kebersihan premis dan kelengkapan**

14. Premis tiap-tiap kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan, kelengkapan, perabot dan alatnya hendaklah pada setiap masa diselenggarakan dalam keadaan baik dan bersih sepenuhnya.

#### **Kebersihan air panas dan sejuk**

15. Bekalan air panas dan sejuk yang cukup hendaklah disediakan terus menerus di tiap-tiap kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan semasa dibuka untuk perniagaan.

#### **Bekas bagi tuala kotor dan buangan tred**

16. Tiap-tiap kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan hendaklah mengadakan sekurang-kurangnya dua bekas yang sesuai yang bertutup rapat yang di dalam satu daripadanya hendaklah dimasukkan semua tuala kotor dan kain-kain kotor lain selepas sahaja digunakan dan di dalam yang satu lagi hendaklah dimasukkan semua keratan rambut dan lain-lain buangan tred dengan seberapa segera yang praktik selepas melayan seorang pelanggan.

**Kehendak kebersihan yang mesti dipatuhi oleh pendandan rambut**

17. (1) Sebelum melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut atau pakar kecantikan hendaklah mencuci tangannya dengan bersih sepenuhnya dengan menggunakan sabun dan air bersih dan jika perlu menggunakan berus kuku.

(2) Semasa melayan seseorang pelanggan, tiap-tiap pendandan rambut atau pakar kecantikan hendaklah memakai kot atau *overall* yang bersih dan sesuai.

**Pemeriksaan perubatan**

18. (1) Mana-mana orang yang bekerja sebagai pendandan rambut atau pakar kecantikan adalah dikehendaki oleh Majlis untuk menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk diambil bekerja.

(2) Pemeriksaan hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan yang dilantik oleh Majlis.

(3) Seseorang pendandan rambut atau pakar kecantikan yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular hendaklah melayan mana-mana pelanggan.

(4) Tiap-tiap pendandan rambut dan pakar kecantikan hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setahun sekali.

**Tuala muka dan fabrik lain yang bersih**

19. (1) Tuala muka, pelindung leher, tuala leher dan fabrik-fabrik lain secara langsung menyentuh kulit seseorang pelanggan yang diperuntukkan bagi pelanggan itu hendaklah baru dan bersih.

(2) Tuala muka hendaklah direndam dalam air mendidih atau diwap selama sekurang-kurangnya lima minit dan kemudian dibasuh sebelum digunakan pada tiap-tiap pelanggan.

**Sabun untuk cukuran**

20. Apa-apa sabun selain daripada sabun cecair atau krim cukuran atau serbuk cukuran tidak boleh digunakan bagi maksud membuat buih bagi mana-mana pelanggan yang menghendaki cukuran.

**Cawan cukuran**

21. Cawan yang digunakan untuk mengisi air bagi membuat buih untuk cukuran hendaklah dikosongkan serta-merta selepas digunakan bagi tiap-tiap pelanggan dan dicuci bersih sepenuhnya dengan air mendidih.

### **Pisau cukur**

22. Pisau atau apa-apa alat yang digunakan untuk mencukur hendaklah digunakan sekali sahaja.

### **Span tidak boleh digunakan**

23. Span atau puff bedak tidak boleh digunakan ke atas pelanggan.

### **Memberhentikan pendarahan**

24. Pendarahan hendaklah diberhentikan hanya dengan suatu antiseptik yang sesuai yang hendaklah digunakan ke atas seorang pelanggan sahaja dan hendaklah serta-merta selepas digunakan dimasukkan ke dalam bekas yang disediakan untuk buangan tred.

### **Penyakit berjangkit atau menular**

25. (1) Mana-mana orang yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular, atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular di muka, leher atau kulit kepala, hendaklah memberitahu pendandan rambut tentang adanya penyakit, ruam atau letusan itu sebelum ia membiarkan kerja mendandan rambut dijalankan ke atas dirinya.

(2) Tiap-tiap pendandan rambut dan/atau salun kecantikan apabila diberitahu sedemikian atau apabila mendapat tahu secara lain bahawa seseorang itu menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular hendaklah, semasa melayan orang itu menggunakan alat-alat berasingan yang diasingkan untuk digunakan khas bagi orang-orang itu. Alat-alat itu hendaklah selepas sahaja digunakan direndam dalam suatu larutan disinfektan selama kurang-kurangnya lima minit. Semua tuala, kain atau fabrik lain yang digunakan ke atas orang itu atau kot atau overall yang dipakai oleh pendandan rambut atau pengusaha itu hendaklah selepas sahaja digunakan dimasukkan dalam suatu larutan disinfektan atau dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya sepuluh minit.

(3) Seseorang pendandan rambut atau pakar kecantikan yang menghidap apa-apa penyakit berjangkit atau menular atau apa-apa ruam atau letusan kulit berjangkit atau menular tidak boleh melayan mana-mana pelanggan.

### **Pensterilan peralatan**

26. (1) Tiap-tiap pendandan rambut atau pakar kecantikan hendaklah memastikan supaya semua kelengkapan bagi kegunaan am yang tersebut di bawah ini disterilkan mengikut cara atau secara alternatif, menggunakan cara penstriran berkesan dengan penyinaran ultra ungu yang diluluskan oleh Majlis-

(a) pisau cukur, gunting dan sikat - hendaklah direndam selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan;

- (b) perepang (*clipper*) - mula-mula berus sepenuhnya gigi-gigi dengan suatu berus yang disteril untuk membuang semua rambut dan kemudian lap gigi-gigi itu dengan sekeping kain yang telah dicelup dalam larutan disinfektan;
- (c) berus rambut - rendamkan bahagian bulu atau bulu keras selama sekurang-kurangnya tiga minit dalam larutan disinfektan yang sesuai dan kemudian keringkan berus itu dalam ruang udara panas;
- (d) berus cukur - apabila suatu berus hendak digunakan rendamkan bahagian bulu keras dalam sepuluh peratus larutan formalin selama sekurang-kurangnya tiga puluh minit dan selepas itu bilas dalam air bersih. Apabila hendak digunakan lagi kemudiannya, rendamkan bahagian bulu atau bulu keras dalam air mendidih selama sekurang-kurangnya tiga minit melainkan jika bulu keras itu diperbuat daripada apa-apa bahan sintetik, memadailah membasuhnya dengan sabun dan air.

(2) Semua peralatan yang tersebut dalam perenggan (1) hendaklah disterilkan mengikut cara yang dinyatakan dalam perenggan itu sebelum digunakan tiap-tiap hari dan selepas sahaja digunakan ke atas tiap-tiap pelanggan.

#### **Pakaian seragam**

27. Semua pendandan rambut atau pakar kecantikan hendaklah memakai pakaian seragam yang bersih semasa menjalankan kerja-kerja mendandan rambut atau kecantikan.

#### **Pendaftaran**

28. Semua pendandan rambut dan pakar kecantikan hendaklah berdaftar dengan Majlis.

#### **BAHAGIAN IV LARANGAN**

#### **Meludah dilarang**

29. Tiada seorang pun boleh meludah ke lantai atau mana-mana bahagian kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan.

#### **Lampu**

30. Keseluruhan kawasan kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan hendaklah diterangi dengan lampu kalimantang atau lain-lain jenis lampu yang diluluskan oleh Majlis.

**Larangan merokok**

31. Tiada seorangpun dibenarkan merokok di dalam kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan.

**Haiwan dilarang masuk**

32. Pendandan rambut atau pakar kecantikan boleh hendaklah tidak menyebabkan atau membenarkan apa-apa haiwan masuk atau tinggal dalam kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan.

**Sekatan dilarang**

33. Apa-apa binaan yang berbentuk sekatan, petak atau dalam apa-apa bentuk lain sama ada yang lekat mati atau mudah alih yang boleh menghalang penglihatan adalah dilarang kecuali dengan kelulusan bertulis Majlis.

**Aktiviti dandan rambut dan/atau salun hendaklah di tempat terbuka**

34. Semua aktiviti dandan rambut dan/atau salun kecantikan hendaklah dijalankan di dalam bilik terbuka dan apa-apa aktiviti yang dijalankan di dalam bilik yang tertutup, berkunci atau bertirai adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kebenaran bertulis Majlis.

**Kacau ganggu**

35. Pemegang lesen kedai gunting rambut dan salun kecantikan tidaklah boleh membuat atau menyebabkan apa-apa bunyi atau benda yang merupakan kacau ganggu atau menyebabkan apa-apa benda lain yang boleh mendatangkan atau menjadi kacau ganggu.

**Pelacuran dan lain-lain tidak dibenarkan**

36. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada kegiatan pelacuran atau apa-apa aktiviti maksiat atau tidak bermoral dilakukan dalam premis.

**Kotak pertolongan cemas**

37. Semua pemegang lesen hendaklah menyediakan Kotak Pertolongan Cemas di premis perniagaan mereka.

**Makanan tidak boleh dijual**

38. Makanan tidak dibenarkan dijual di kedai gunting rambut dan/atau salun kecantikan.

**BAHAGIAN V**  
**PENALTI**

**Penalty**

39. Seseorang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali dan dalam suatu kesalahan yang berterusan boleh dikenakan denda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari selama tempoh kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

**Pengkompaun kesalahan**

40. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa boleh, dengan izin bertulis Pendakwaraya, mengkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini sejumlah wang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit bagi setiap satu kesalahan.

**JADUAL**

[*Undang-undang kecil 3(2)*]

FI

No.	Perkara	Kedai tidak berhawa dingin		Kedai berhawa dingin	
		Minimum Setahun RM	Maksimum Setahun RM	Minimum Setahun RM	Maksimum Setahun RM
1.	7 kerusi ke bawah	111.00	500.00	140.00	600.00
2.	8 hingga 15 kerusi	185.00	600.00	240.00	700.00
3.	16 hingga 20 kerusi	210.00	700.00	300.00	800.00
4.	Lebih daripada 20 kerusi	350.00	1,000.00	500.00	1,300.00

Bertarikh: 21 Oktober 2020

[Bil (57)dLM.MPP:MPP/PUU/05/20]

[SUKJ.KT. 24/69/2 Jld. 14(11); PPUUNJ-1/2/50(2)]

FIZWAN BIN DATO' HAJI MOHD. RASHIDI  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Pengerang*

Disahkan pada: 10 Februari 2021  
[Ringkasan Mesyuarat Bil. 168/2021]

HAJAH NOR AZLEENA BINTI ABDUL RAHMAN  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*